



b. **Pembayaran Fi Bagi Lesen Memiliki Dan Menggunakan Senapang Patah Dan Fi Bagi Permit Membawa Dan Menggunakan Senapang Patah**

Bagi memudahkan orang ramai semasa urusan pembayaran fi bagi Lesen Memiliki Dan Menggunakan Senapang Patah dan fi bagi Permit Membawa Dan Menggunakan Senapang Patah, diputuskan supaya semua urusan pembayaran dan penyimpanan fi berkenaan dilakukan di Pejabat Daerah dan tidak lagi di Majlis-Majlis Berkuasa Tempatan.

c. **Borang 11 - Lesen Membeli Atau Memperolehi Atau Menukar Senjata Dan Peluru**

Pihak kita telah mendapati bahawa ketidakseragaman wujud ketika pengeluaran Borang 11 sewaktu pembelian peluru, di mana ada Pejabat Daerah yang tidak memohon bayaran sebanyak RM2.00 yang tertera di atas borang tersebut.

Pihak tuan adalah diwajibkan untuk memohon bayaran sebanyak RM2.00 tersebut sewaktu pengeluaran borang berkenaan.

d. **Rekod-Rekod Berkaitan Dengan Senapang Patah**

Pihak kita juga mendapati bahawa masih ada Pejabat Daerah yang masih belum memohon kesemua rekod-rekod yang berkaitan dengan senapang patah daripada Majlis-Majlis Berkuasa Tempatan.

Pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya semua rekod-rekod yang berkaitan dengan senapang patah di simpanan di dalam satu registri sahaja. Oleh itu, pihak tuan adalah diarah untuk memohon kesemua rekod-rekod yang berkaitan dengan senapang patah daripada Majlis-Majlis Berkuasa Tempatan sekiranya belum berbuat sedemikian.

2. **Sehubungan dengan perkara-perkara di atas, tuan-tuan adalah diminta untuk:**

- i. memaklumkan keputusan-keputusan tersebut kepada masyarakat setempat dan agensi-agensinya terbabit.
- ii. mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan keputusan-keputusan tersebut yang berkuatkuasa daripada tarikh pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'**



**(DATU HAJI SALLEH BIN HAJI SULAIMAN)**

b.p Setiausaha Kerajaan  
Sarawak

LAMPIRAN A

Ruj. Kami:

Tarikh :

Kepada: Ketua Polis Daerah/Ketua Balai

Tuan,

MEMPERBAHARUI LESEN MEMILIKI DAN MENGGUNAKAN SENAPANG PATAH

Dengan segala hormatnya dimaklumkan pembawa surat ini seperti penama di bawah ingin memperbaharui Lesen Memiliki dan Menggunakan Senapang Patah beliau;

Nama : .....

Nombor Kad Pengenalan: .....

Alamat : .....

Nombor Lesen : .....

Jenis Senapang Patah: .....

Nombor Senapang Patah: .....

2. Sukacita kiranya pihak tuan dapat memberi pandangan di dalam Lampiran I, samada Lesen Memiliki dan Menggunakan Senapang Patah tersebut dapat diperbaharui ataupun tidak .

Sekian, terima kasih.

'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'

(.....)

Nama:

Pegawai Pelesenan

Pejabat Daerah.....

Untuk Kegunaan Polis DiRaja Malaysia

Kepada Pegawai Pelesenan  
Pejabat Daerah.....

**BORANG PEMERIKSAAN SENAPANG PATAH**

Pada.....jam.....pemeriksaan telah dibuat  
kepada senapang patah yang dilesenkan kepada:-

Nama Pemegang Lesen : .....

Nombor Lesen : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Alamat : .....

Jenis/Kaliber Senapang Patah: .....

Nombor Senapang Patah : .....

Tarikh Akhir Senapang Patah Diuji Tembak : .....

Tarikh Senapang Diperiksa : .....

(Diperiksa Oleh)

**KOMEN KETUA BALAI**

.....  
.....  
.....  
.....

.....  
(Tandatangan)

Nama/Pangkat : .....

Jawatan : .....